



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PERLINDUNGAN, PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA
UTILITI
DALAM PELAKSANAAN
PROGRAM DAN PROJEK KERAJAAN
RMKe-12**

**Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
01 Januari 2021**

GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN, PENGALIHAN DAN PEMASANGAN SEMULA UTILITI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK KERAJAAN RMKe-12

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung skop pematuhan, kaedah pembiayaan dan pelaksanaan dalam prosedur kerja terkini bagi kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti di dalam semua tanah milik dan rizab kerajaan.
2. Garis Panduan ini juga bertujuan menggantikan Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 yang telah dikeluarkan pada 1 Januari 2016.

LATAR BELAKANG

3. Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Bilangan 1 Tahun 2016 yang diguna pakai dalam RMKe-11 menetapkan bahawa kos pengalihan dan pemasangan semula dibiayai sepenuhnya oleh pemilik aset/syarikat utiliti berkenaan kecuali pengalihan sistem bekalan air dan pembedungan. Penetapan garis panduan tersebut juga adalah bertujuan supaya pelaksanaan projek dapat mengikut perancangan yang ditetapkan dan mengurangkan beban kos yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, setelah 5 tahun Garis Panduan tersebut diguna pakai, didapati pelaksanaannya perlu ditambahbaik. Sehubungan itu, satu Garis Panduan baharu yang lebih sesuai adalah diperlukan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan sedia ada.

Garis Panduan ini akan menggantikan Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program Dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016 yang akan tamat tempoh kuat kuasa apabila RMKe-11 berakhir pada 31 Disember 2020.

SKOP PEMATUHAN

4. Skop yang dimaksudkan dalam Garis Panduan ini melibatkan kerja-kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula bagi semua jenis aset utiliti yang terlibat dalam pelaksanaan program dan projek kerajaan di bawah RMKe-12 (baharu dan sambungan) yang terletak di dalam kawasan tanah milik atau rizab kerajaan.
5. Semua aset utiliti yang merangkumi struktur dan jaringan utiliti yang dimiliki oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) termasuk syarikat kerajaan negeri, swasta dan individu bagi tujuan komersil atau kegunaan persendirian, sama ada di bawah atau di atas permukaan tanah adalah termasuk di dalam skop pematuhan garis panduan ini. Aset utiliti yang terlibat seperti berikut:
 - (i) Sistem bekalan tenaga elektrik;
 - (ii) Sistem rangkaian telekomunikasi;
 - (iii) Sistem saluran bekalan gas, cecair atau kimia;
 - (iv) Sistem saluran air mentah;

- (v) Sistem bekalan air;
- (vi) Sistem pembetulan;
- (vii) Sistem pengawasan keselamatan CCTV; dan
- (viii) Sistem pemantauan keselamatan jalan raya.

JENIS DAN KAEDAH PEMBIAYAAN

6. Pembiayaan kos perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti seperti yang dinyatakan di Perkara 5 adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemilik aset/syarikat utiliti tertakluk kepada perkara seperti berikut:
 - (i) bagi semua projek yang melibatkan kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti di dalam kawasan tanah seperti Perkara 4; dan
 - (ii) bagi projek sambungan, di mana tarikh Surat Setuju Terima (SST) adalah di dalam RMKe-12.
7. Bagi program dan projek sambungan, di mana kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti sedang dijalankan di tapak, ia perlu dilaksanakan sepertimana persetujuan asal dengan pemilik aset/syarikat utiliti semasa Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) tersebut.

PENGECUALIAN

8. Tanggungan kos dan Garis Panduan ini adalah **dikecualikan** bagi projek kerajaan yang dilaksanakan sepenuhnya secara *Private Finance Initiative* (PFI) atau *Public Private Partnership* (PPP).

KAEDAH PELAKSANAAN

9. Pemilik/pelaksana program dan projek perlu mendapatkan persetujuan dan pengesahan skop kerja awalan dan anggaran kos yang diperlukan daripada pemilik aset/syarikat utiliti di peringkat perancangan bagi tujuan penyediaan anggaran kos awalan dan penetapan kos projek.
10. Semua kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti perlu dilaksanakan oleh pemilik aset/syarikat utiliti sama ada dengan melaksanakan sendiri kerja tersebut atau melantik Kontraktor Panel (KP) masing-masing.
11. Pemilik aset/syarikat utiliti perlu mengemukakan program kerja dan melaksanakan mengikut program kerja yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa/Pengarah Projek/pelaksana program dan projek.
12. Kos kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula utiliti akan dibiayai terlebih dahulu menggunakan peruntukan kerajaan mengikut kaedah atau peraturan kewangan kerajaan yang berkuatkuasa.

13. Setelah kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti disahkan penyiapannya, pemilik aset/syarikat utiliti hendaklah menyediakan *As-Built Drawing* pemetaan utiliti yang mematuhi Surat Pekeliling KPUP Bilangan 2 Tahun 2016 berkaitan spesifikasi format GIS Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)/Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak/Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah atau peraturan semasa yang berkuatkuasa.

14. *As-Built Drawing* tersebut hendaklah dikemukakan kepada pemilik/pelaksana program dan projek, JUPEM/Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak/Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah bagi tujuan rekod selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

KAEDAH TUNTUTAN

15. Pemilik program dan projek hendaklah memulakan proses permohonan tuntutan kos kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti kepada pemilik aset/syarikat utiliti selepas penyiapan kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti berkenaan atau selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas tarikh CPC.

16. Kos sebenar kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti adalah merangkumi :
 - (i) Kos yang dibayar kepada pemilik aset/syarikat utiliti; dan
 - (ii) Yuran *Attendance* kepada Kontraktor Utama (KU).

17. Pemilik/pelaksana program dan projek hendaklah menyediakan dokumen tuntutan dan dikemukakan kepada pihak pemilik aset/syarikat utiliti berkenaan dan selanjutnya pihak pemilik aset/syarikat utiliti berkenaan hendaklah membuat bayaran kepada kerajaan dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima dokumen tuntutan yang lengkap.

PEMATUHAN TAMBAHAN

18. Pelaksana program dan projek berhak membuat tuntutan tanggungan kerugian kepada pemilik aset/syarikat utiliti jika berlaku kelewatan penyiapan projek dan tuntutan kerugian oleh KU akibat kegagalan pemilik aset/syarikat utiliti melaksanakan kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti mengikut perancangan yang telah dipersetujui oleh pelaksana program dan projek.

19. Pemilik aset/syarikat utiliti tidak dibenarkan mengenakan sebarang syarat-syarat tambahan kepada kerajaan seperti Jaminan Bank dan sebagainya.

20. Pemilik aset/syarikat utiliti atau KP yang melaksanakan kerja perlindungan, pengalihan dan pemasangan semula aset utiliti hendaklah mematuhi apa-apa peruntukan undang-undang yang berkaitan termasuklah akta, enakmen atau ordinan atau undang-undang kecil atau apa-apa pekeliling, peraturan dan kaedah-kaedah yang sedang berkuatkuasa.

21. Kenaan penalti atas sebab kegagalan pemilik aset/syarikat utiliti/KP mematuhi Perkara 20, adalah perlu ditanggung pemilik aset/syarikat utiliti/KP berkenaan.

PERTIKAIAN

22. Sebarang pertikaian berhubung pemakaian Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) atau pegawai yang diturunkan kuasa dengan keanggotaan tetap daripada beberapa agensi kerajaan lain.

PERTANYAAN

23. Pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada:

- (i) Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur
(U.P.: Setiausaha Bahagian Perancang Jalan)

(ii) Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 30, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
(U.P.: Pengarah Kanan Cawangan Jalan)

(iii) Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(U.P.: Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pemantauan Dan
Penilaian Pembangunan)

PEMBATALAN

24. Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, maka Garis Panduan Pengalihan Dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bil. 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

25. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025 bagi tempoh RMKe-12.

PEMAKAIAN

26. Pemakaian Garis Panduan baharu ini adalah meliputi semua program dan projek RMKe-12 (baharu dan sambungan) yang dibiayai secara penuh atau perkongsian daripada kerajaan mengikut kesesuaian akta, pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.